

HADIRAN

Jika kanak-kanak tidak dapat hadir pada hari tersebut, sila maklumkan kepada guru kelas / pegawai PPMK secara lisan, bertulis atau telefon.

Jika berlaku sebarang kecemasan untuk mengambil anak awal, perlulah memaklumkan kepada pejabat pentadbiran PPMK / guru / penjaga terlebih dahulu.

Jika ibu bapa / penjaga mewakilkan pihak ketiga untuk mengambil anak, sila bawa surat kebenaran yang telah ditandatangani oleh ibu bapa / penjaga.

WAKTU OPERASI

Perkhidmatan

Waktu operasi perkhidmatan adalah pada jam 7.15 pagi – 6.00 petang.

Sesi pembelajaran bermula pada jam 8.00 pagi.

Bayaran khidmat lebih masa akan dikenakan adalah seperti berikut :-

Waktu : Sebelum jam 7.15 pagi dan selepas jam 6.00 petang (Mengikut jam PPMK)

Kadar bayaran : RM 5.00 setiap setengah jam.

Ibu bapa digalakkan mengambil dan menghantar anak-anak pada masa yang telah ditetapkan.

Bagi bulan Ramadan, ibu bapa dikehendaki mengambil anak sebelum jam 5.30 petang.

Kelewatan akan direkodkan dan akan dibilkan kepada ibu bapa setiap hujung bulan.

SAMBUTAN HARI JADI

Sambutan hari jadi boleh diraikan bersama-sama dengan semua kanak-kanak di PPMK. Setiap kanak-kanak diperluangkan menyambut hari jadi mereka masing-masing bersama-sama kawan-kawan yang lain di PPMK.

Ibu bapa yang berminat untuk meraikan hari jadi akan dikenakan bayaran RM50.00 (kos kek dan lain-lain yang berkenaan dengan sambutan) bagi setiap anak mereka.

LAWATAN

- Lawatan sambil belajar akan diadakan pada masa cuti sekolah. Kanak-kanak yang berminat untuk menyertai sebarang lawatan yang akan diadakan akan dikenakan bayaran (mengikut lokasi) untuk menampung kos makan, yuran masuk dan lain-lain.

HARI KONVOKESYEN

- Kanak-kanak yang berusia 3 - 6 tahun yang terlibat di dalam menjayakan Hari Konvokesyen akan dikenakan bayaran untuk kos baju, aksesori dan lain-lain. Jumlah bayaran akan dimaklumkan kelak.

Kemudahan Tempat

LETAK KERETA

- Ibu bapa diminta untuk meletakkan kenderaan masing-masing ditempat meletakkan kereta yang telah disediakan.
- Ibu bapa perlu memastikan kenderaan (kereta / motosikal) yang diletakkan di kawasan PPMK tidak menghalang kenderaan lain yang keluar / masuk untuk mengelakkan kesesakan di hadapan tempat letak kenderaan.
- Ibu bapa diminta meninggalkan kawasan PPMK selepas menghantar / mengambil anak-anak dengan segera bagi memberi peluang kepada ibu bapa lain yang ingin menghantar / mengambil anak (tempat letak kenderaan terhad).

PERINGATAN PENTING

** Sekiranya ibu bapa / penjaga tidak dapat memenuhi peraturan yang telah ditetapkan, pihak PPMK berhak untuk tidak menerima / menolak kemasukan anak-anak pada bulan yang seterusnya.

**** Segala Peraturan Di Atas Adalah Tertakluk Kepada Perubahan Yang Akan Ditetapkan Oleh Pihak Pengurusan Atasan**



PUSAT PERKEMBANGAN MINDA KANAK-KANAK (PPMK) Majlis Bandaraya Petaling Jaya

No. 31, Jalan Penchala,
46000, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-7781 5300 Faks : 03-7781 5405



POLISI DAN PERATURAN-PERATURAN

PUSAT PERKEMBANGAN MINDA KANAK-KANAK (PPMK) MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

